



Jasa Mu dikenang



Inovasi



Khidmat Masyarakat

Jahniah!!



Family Day



Lawatan Akademik



Bengkel



Sukan

BULETIN JSKM

Edisi 2019

e-ISSN 2637-0077



Dari Meja Editor & Perutusan Koordinator JSKM 2

1

Pencapaian Warga JSKM

- Penyelidikan 3
- Perundingan 4
- Inovasi 5-6

Aktiviti-Aktiviti JSKM

- Team Building 7
- Khidmat Masyarakat 8-10
- Lawatan Akademik 11
- Bengkel 12-16
- Sukan & Rekreasi 17-18
- Pertandingan 19

2

3

Sekalung Tahniah

- KIK 20-21
- Anugerah Khidmat Cemerlang 22
- Anugerah Terindah 2019 23-27

Jasamu Dikenang 28

4

5

Nurkilaan Warga JSKM 29-37

DARI MEJA EDITOR

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Syukur ke hadrat Illahi kerana dengan rahmat dan limpah kurnianya, Buletin JSKM Edisi 2019 berjaya disiapkan sepenuhnya. Buletin JSKM 2019 ini mengandungi banyak informasi berkaitan aktiviti-aktiviti pensyarah JSKM dan juga kenangan terindah sepanjang tahun 2019. Ia dirangkumkan dalam satu Buletin agar memudahkan dan menjadikan motivasi kepada pensyarah dan seluruh warga UiTM dalam memantapkan hasil kerja masing-masing.

Jutaan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan khas untuk Ahli Jawatankuasa Unit Penerbitan dan Publisiti JSKM 2019 kerana telah bertungkus lumus menyiapkan Buletin JSKM ini. Terima kasih juga ditujukan kepada Koordinator JSKM kerana memberi peluang dan ruang kepada kami selaku sidang redaksi untuk menghasilkan Buletin 2019 ini.

Akhir kata, diharapkan usaha seperti ini akan diteruskan lagi pada masa-masa akan datang. Selamat Menyambut Tahun Baru 2020.

-Norsuhada Binti Samsudin-



PERUTUSAN KOORDINATOR JSKM

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, saya diberi kesempatan dan kekuatan untuk menulis sepatah dua kata dalam kata alu-aluan untuk Buletin JSKM 2019. Tahniah dan syabas diucapkan kepada AJK Unit Penerbitan kerana berjaya menyempurnakan dan menerbitkan Buletin ini dengan jayanya. Tanpa kesungguhan dan komitmen yang tinggi sudah tentu buletin ini tidak dapat disiapkan seperti yang dirancang. Oleh itu, saya selaku Koordinator jabatan ingin memanjatkan setinggi - tinggi kesyukuran kepada Yang Maha Esa dan ucapan terima kasih kepada ahli-ahli yang terlibat kerana telah mempamerkan kesungguhan dalam merealisasikan hasrat yang terkandung dalam Visi dan Misi jabatan. Kejayaan menerbitkan bulletin ini memberi peluang pada warga JSKM mempamerkan hasil usaha dan kejayaan bersama sepanjang 2019. Aktiviti sepanjang tahun juga dapat dicoretkan agar ianya menjadi kenangan di masa hadapan.

Akhir kalam, saya dengan rasa rendah hati mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa dan semua warga JSKM yang telah berusaha gigih sehingga berjaya menyempurnakan Buletin JSKM 2019 ini dengan jayanya. Sama-samalah kita menjalankan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan dengan penuh keikhlasan dan mudah-mudahan usaha ini diberkati Allah S.W.T dan menjadi amal soleh yang akan kita kecapai pada kemudian hari. In shaa Allah. Sekian, terima kasih.

-Muniroh Hamat-



PENAUNG

PROF MADYA TS DR
MOHD HISBANY MOHD
HASHIM

PENASIHAT

MUNIROH HAMAT

KETUA EDITOR

NORSHUHADA
SAMSUDIN

EDITOR

MAHANIM OMAR

FUZIATUL NORSYIHA
AHMAD SHUKRI

ROZITA KADAR

MOHD SAIFULNIZAM
ABU BAKAR

GRAFIK & LETAK REKA BAHAN

SITI ASMAH MOHAMED

(1) PENCAPAIAN WARGA JSKM

PENYELIDIKAN



COUPLING OF BIO-INSPIRED ALGORITHM INTO BOOSTED REGRESSION TREES (BRT) TECHNIQUE IN FORECASTING EMISSION MODEL OF PM10 CONCENTRATION

*Ahmad Zia Ul-Saufie Mohamad Japeri (PM Dr),
Wan Nur Shaziayani Wan Mohd Rosly, Nurhafizah Ahmad,
Zuraira Libasin, Siti Mariam Saad, Hasfazilah Ahmat (Dr)*

GERAN : FRGS

PERUNTUKAN : RM 74,300

TEMPOH : 1 Sept 2019 - 31 Ogos 2021

PROFILING THE EXPECTATION, PREFERENCES, EXPERIENCE AND SATISFACTION OF TOURIST IN MALAYSIA'S SHOPPING LANDSCAPE

*Dian Aszyanti Atirah Mohd Asri, Azila Azmi (Dr),
Norliza Aminudin (Dr), Dahlan Abdullah,
Ahmad Zia Ul-Saufie Mohamad Japeri (PM Dr)*

GERAN : FRGS

PERUNTUKAN : RM 43,500

TEMPOH : Julai 2017 - Jun 2019

PERUNDINGAN

REKAYASA HARUMANIS 1

DR. RAFIDAH AIDA RAMLI, ZAMRI AHMAD, MOHD FAISAL ABDUL WAHAB,
PROF. MADYA DR AZILA AZMI, AZLI BIN UMAR,
DR NORHUSNA MOHAMAD NOR, DR SITI SABRINA MOHD SUKRI, DR
NORHASLINDA NASUHA, MOHD SYAFIQ ABDUL RAHMAN

Tajaan : Jabatan Pertanian Negeri Perlis
Amaun : RM15,000.00
Tempoh : 1 Mac 2019 - 28 Feb 2020

REKAYASA HARUMANIS 2

DR. RAFIDAH AIDA RAMLI, ZAMRI AHMAD, MOHD FAISAL ABDUL WAHAB,
PROF. MADYA DR AZILA AZMI, AZLI BIN UMAR,
DR NORHUSNA MOHAMAD NOR, DR SITI SABRINA MOHD SUKRI,
DR NORHASLINDA NASUHA, MOHD SYAFIQ ABDUL RAHMAN

Tajaan : Jabatan Pertanian Negeri Perlis
Amaun : RM15,000.00
Tempoh : 1 Mac 2019 - 28 Feb 2020

SISTEM PENGURUSAN PEPERIKSAAN BAGI PEPERIKSAAN JUN 2019

JAMAL OTHMAN

Tajaan :
UiTM Kampus Arau, Bertam, Alor Gajah, Bandaraya Melaka, Jasin,
Fakulti Perladangan dan Agroteknologi,
Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi dan Fakulti Sains Komputer dan
Matematik

Amaun : RM 6,200.00
Tempoh : 1 April 2019 – 31 Julai 2019

SISTEM PENGURUSAN PEPERIKSAAN BAGI PEPERIKSAAN DISEMBER 2019

JAMAL OTHMAN

Tajaan :
UiTM Kampus Arau, Bertam, Alor Gajah, Bandaraya Melaka, Jasin,
Fakulti Perladangan dan Agroteknologi,
Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi dan Fakulti Sains Komputer dan
Matematik

Amaun : RM7,000.00
Tempoh : 1 Okt 2019 - 31 Jan 2020

URSUS POWERPOINT 365 : THE NEXT LEVEL

MOHD SAIFULNIZAM ABU BAKAR

Amaun : RM1,500.00
Tempoh : 21 Ogos 2019

AACSB REPORT FORMATTING CONSULTANT

MOHD SAIFULNIZAM ABU BAKAR

Tajaan : Graduate School of Business, Universiti Sains Malaysia (USM)
Amaun : RM400.00
Tempoh : 1 Mac 2019 - 5 Mac 2019

PENANG INTERNATIONAL CONFERENCE ON HOSPITALITY (PitCH 2019)

MOHD SAIFULNIZAM ABU BAKAR, SAIFUL NIZAM WARRIS, ROZITA KADAR

Tajaan : Fakulti Pengurusan Hotel & Pelancongan (FPHP)
Amaun : RM700.00
Tempoh : 5 Feb 2019 - 8 Okt 2019



INOVASI 2019

Pingat EMAS


TTS Malay-Mandarin Dictionary

Ch'ng Pei Eng (Dr), Saiful Nizam Warris, Goh Ying Soon, Cheng Siak Peng, Chew Yee Ming
UiTM Cawangan
Kedah IREX 2019



myHadir : Attendance and Reporting Management System

Mohd Syafiq Abdul Rahman, Ahmad Zia UI-Saufie Bin Mohamad Japeri (Prof. Madya Dr), Saiful Nizam Warris, Siti Balqis Mahlan, Nurhafizah Ahmad, Naemah Abdul Wahab, Suhaiza Hasan
UiTM Cawangan Pulau
Pinang PIID 2019



e-CPN : Class Delay/Postponement Notice

Wan Anisha Wan Mohammad, Azlina Mohd Mydin
UiTM Cawangan Pulau Pinang
PIID 2019



Pingat PERAK


Introducing Ketingting Think as an Educational Tool to Young Generation

Siti Nurleena Abu Mansor, Mahanim Omar, Siti Mariam binti Saad Akademi Pengajian Bahasa (APB), UiTM Cawangan Pulau Pinang IWSI 2019



Infiniti Cergas Sihat (InCeS)

Azlina Mohd Mydin, Wan Anisha Wan Mohammad, Siti Mariam binti Saad UiTM Cawangan Pulau Pinang
PIID 2019



Magic Diamond Waterfall Cards 2.0 : Memorizing


Trigonometry Differentiation

Muniroh Hamat, Fuziatul Norsyihah Ahmad Shukri, Fadzilawani Astifarah Alias, Mohd Shafiq Abdul Rahman, Maisurah Shamsuddin, Siti Asmah Mohamed, Nurhafizah Ahmad,
UiTM Cawangan Pulau Pinang
PIID 2019

Pingat GANGSA

myHadir : Attendance and Reporting Management System

Mohd Syafiq Abdul Rahman, Saiful Nizam Warris, Ahmad Zia UI-Saufie Bin Mohamad Japeri (Prof. Madya Dr), Suhaiza Hasan, Nurhafizah Ahmad
UiTM Cawangan Pulau Pinang
PIID 2019



**Congkak Mesra-OKU: Permainan Tradisi
Berkonsepkan Matematik**

Nor Hanim Abd Rahman (Dr.), Zuraira Libasin,
Nurhafizah Ahmad, Farah Hayati Mustapa, Ahmad Izz
Iskandar Ishak UiTM Cawangan Kedah
BVIIEC

OKU-Friendly Office Model

Zuraira Libasin, Nor Hanim Abd Rahman (Dr.),
Farah Hayati Mustapa
UiTM Cawangan Kedah
BVIIEC

**Light Quality Measurement Tool
(LIQMet)**

Adhilla Ainun Musir, Siti Nurleen
Abu Mansor, Nurulzatushima Abdul
Karim, Juzailah Nur Yunus,
Raja Nor Husna Raja Mohd Noor
UiTM Seri Iskandar, Perak
INDES2019

ICE Cal Kit 2.0

Noor Azizah Mazeni, Wan Nur Shaziayani Wan
Mohd Rosly, Fuziatul Norsyihah Ahmad Shukri, Nur
Azimah Idris, Norshuhada Samsudin, Sharifah
Sarimah Syed Abdullah
PIID 2019

**4R-green project: Tissue Rolls and Fabric Wastes
into Elegant Products**

Nor Hanim Abd Rahman (Dr.), Zuraira Libasin,
Nurhafizah Ahmad, Farah Hayati Mustapa, Ahmad Isyraf
Rafiqie Ishak
UiTM Cawangan Kedah
BVIIEC

(2) AKTIVITI-AKTIVITI JSKM

PROGRAM PEMANTAPAN KARAKTER DAN PEMBINAAN PASUKAN JSKM, UiTM CAWANGAN PULAU PINANG

Oleh: Rafizah Kechil



Jabatan Sains Komputer dan Matematik (JSKM), UiTM Cawangan Pulau Pinang telah mengadakan Program Pemantapan Karakter dan Pembinaan Pasukan JSKM pada 3 dan 4 Ogos 2019 di Sahom Valley & Embun Resort, Kampar Perak. Tema yang dipilih ialah "*Where Nature Unites Us*" dimana warga JSKM telah dibawa untuk mendekati alam semulajadi.

Objektif program ini adalah untuk memupuk semangat perpaduan dan kerjasama warga JSKM, menjalin tautan mahabbah dan merapatkan silaturrahim dikalangan warga JSKM serta membawa warga JSKM mendekati alam sekitar. Penginapan staf di Sahom berjumlah RM8500 dibiayai sendiri oleh staf JSKM, manakala makanan dan hadiah menggunakan peruntukan Wang Tabung Amanah JSKM berjumlah RM3335. Pelbagai aktiviti yang berteraskan cerdas minda dan cergas jasmani diadakan termasuklah sukaneka dan aktiviti memancing berpasukan. Seramai 39 orang staf JSKM dan 15 ahli keluarga staf terlibat dalam program ini.

Program ini berjaya meningkatkan motivasi dan semangat kerja berpasukan serta mengukuhkan jati diri dan semangat kepunyaan (*Self-belonging*) di kalangan warga JSKM. Disamping itu, dapat juga meningkatkan "happiness index" dikalangan peserta memandangkan program ini dirangka supaya ahli keluarga juga dapat turut terlibat. Pada masa yang sama, gabungan aktiviti antara staf dan bukan staf UiTM dapat menjalin jaringan kerjasama dan diharap jalinan ini berupaya untuk memberi kesan positif kepada UiTM khususnya kepada staf JSKM.

IHYA' RAMADHAN JSKM KALI KE-7

Oleh: Nur Azimah Binti Idris

Bagi menghidupkan kemeriahan Ramadhan serta meneruskan tradisi yang diterapkan sejak 2013, Jabatan Sains Komputer dan Matematik (JSKM) UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP) telah menganjurkan program Ihya' Ramadan yang berkonsepkan khidmat masyarakat dalam bentuk pengagihan sumbangan. Skop pengagihan sumbangan pada kali ini menasaskan seramai 58 orang penerima sumbangan dalam kalangan staf pembersihan dan pekebun yang berkhidmat di UiTM CPP.



Ahli jawatankuasa program telah memberikan komitmen dan berusaha sebaik mungkin mencari serta mengumpul dana khususnya dalam kalangan warga JSKM sendiri. Selain itu, warga UiTM CPP lain yang berkemampuan turut membantu merealisasikan misi program ini. Penganjuran program ini menjadi bukti keprihatinan warga UiTM CPP terhadap mereka yang kurang bernasib baik dalam menjalani ibadah pada bulan Ramadan kali ini.

Penyerahan sumbangan telah diadakan dalam satu majlis pada 27 Mei 2019 bersamaan 22 Ramadhan 1440. Majlis dimulakan dengan bacaan doa dan ucapan aluan dari pengerusi program iaitu Encik Ahmad Rashidi bin Azudin. Seterusnya bagi mengimarahkan lagi majlis, Ustaz Mohd Adenan Mohd Yusoff iaitu Pegawai Unit Hal Ehwal Islam UiTM CPP telah dijemput untuk memberikan tazkirah. Selepas itu, majlis diteruskan dengan penyampaian sumbangan yang berupa keperluan harian serta duit raya kepada penerima-penerima sumbangan yang terpilih iaitu asnaf-asnaf dari kalangan pekerja pembersihan serta pekebun di UiTM CPP. Majlis berakhir pada pukul 11.30 pagi setelah semua sumbangan disampaikan kepada penerima-penerima.

Alhamdulillah program ini telah berjalan dengan lancar dan jayanya serta insyaALLAH mampu menggapai misi seperti yang direncanakan. Sokongan dari semua pihak terutama sekali pemberi-pemberi sumbangan dan ahli jawatankuasa amatlah dihargai. Semoga program seperti ini dapat diteruskan pada tahun akan datang. Disertakan hadis untuk renungan kita bersama.


BENGKEL STEM: "LET'S LEARN INTERACTIVELY"


Oleh: Azlina Mohd Mydin

BENGKEL STEM: "LET'S LEARN INTERACTIVELY" yang bertemakan **STEM** telah dianjurkan oleh Jabatan Sains Komputer dan Matematik (JSKM) UiTM Cawangan Pulau Pinang pada 21 Februari 2019 yang lalu. Program ini merupakan satu program kerjasama antara pihak sekolah SMK Dato'haji Hassan Noh, B Fit Sports JSKM UiTM Cawangan Pulau Pinang. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan dalam pembelajaran secara menarik. Di samping itu, program ini juga dapat merapatkan hubungan antara UiTM, pihak industri dan pihak sekolah dan merupakan salah satu langkah pihak JSKM dan B Fit bagi menyokong Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, emosi dan jasmani terutamanya bagi pelajar Pendidikan Khas.

Seramai 48 orang pelajar pendidikan khas dan 16 orang guru pendidikan khas turut serta dalam program ini. Beberapa orang pelajar UiTM Cawangan Pulau Pinang turut serta menjadi fasilitator membantu pensyarah-pensyarah dalam menjalankan aktiviti bersama para pelajar SMK Dato'haji Hassan Noh. Para pelajar UiTM tersebut merupakan wakil Kelab ICTS. Seramai 13 orang pensyarah komputer dan matematik JSKM turut serta dalam program ini.

Terdapat 2 bentuk aktiviti yang dijalankan iaitu pembelajaran menarik menggunakan komputer dan pembelajaran matematik melalui permainan. Para pelajar dibahagikan kepada 2 kumpulan utama dan setiap kumpulan akan mengikuti aktiviti masing-masing untuk tempoh masa tertentu. Secara keseluruhannya para pelajar dan guru pengiring sangat teruja dengan mengikuti aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Diharapkan program khidmat masyarakat sebegini dapat memberi peluang kepada UiTM untuk menjalankan hubungan yang baik dengan pihak luar disamping berkongsi kepakaran yang ada. Disamping itu, diharapkan juga aktiviti yang dijalankan dapat memupuk minat murid sekolah dalam subjek sains, teknologi dan matematik





PROGRAM KESEDARAN KESIHATAN 2019

OLEH : FADZILAWANI ASTIFAR ALIAS

Pada 15 April 2019, satu Program Kesedaran Kesihatan 2019 telah diadakan bertempat di Bilik Perdana 1 dan Laman Perdana, UiTM CPP. Program anjuran Jabatan Sains Komputer dan Matematik dengan kerjasama Persatuan Wanita (PEWANI), UiTM Cawangan Pulau Pinang ini diketuai oleh Dr Nor Hanim Abdul Rahman selaku Pengarah Program. Program ini bermula pada jam 8 pagi.

Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk membantu meningkatkan kesedaran kepentingan penjagaan kesihatan diri dari semua aspek termasuk fizikal, mental, emosional dan spiritual. Program ini juga bertujuan meningkatkan pengetahuan dan pemahaman peserta tentang Kanser Payudara melalui pengalaman peribadi seorang pakar perubatan, dan cara beliau menghadapi dan mengatasinya, melalui perubatan saintifik mahupun alternatif. Selain itu, program ini salah satu platform untuk menyampaikan maklumat mengenai 'trend sebaran penyakit' terkini termasuk kes seperti merokok dan denggi serta menyediakan ruang menambah ilmu berkaitan CPR sekiranya berlaku kecemasan, melalui teori dan praktikal dalam sesi secara berkesan.

Program ini dibahagikan kepada dua tempat iaitu di Bilik Perdana 1 dan juga di Laman Perdana dimana di Laman Perdana diadakan beberapa aktiviti iaitu Program derma darah dan juga pameran kesihatan. Antara pameran yang terlibat adalah pameran rokok, pameran denggi, pameran dari LPPKN dimana peserta boleh mendaftar mammogram. Di Bilik Perdana 1 pula diadakan sesi perkongsian kesihatan dan ceramah. Terdapat 3 sesi yang berlangsung di Bilik Perdana 1 iaitu:

Sesi 1 : Fitness : Weight Reduction and Control through Exercise.


Sesi 2 : Personal Experience on Breast Cancer.

Sesi 3 (Hands-on) : Cardiopulmonary Resuscitation (CPR)

Program ini dihadiri oleh 51 orang peserta dari kalangan staf UiTM CPP dan juga orang awam. Program ini telah berjaya dijalankan dengan penglibatan staf dari JSKM dan juga PEWANI sebagai jawatankuasa gerak kerja.

Rata-rata peserta sangat berpuashati dan mendapat ilmu pengetahuan dari program tersebut. Dari 'survey' yang telah dijalankan juga mendapati bahawa ramai peserta tidak mempunyai pengetahuan tentang aspek berat badan dan kecergasan, kaedah rawatan memulihkan emosi pesakit kanser dan juga kaedah CPR yang betul. Jadi dengan adanya program ini sedikit sebanyak memberi ilmu kepada setiap peserta yang datang. Program tamat pada jam 4.30 petang.

Ucapan terima kasih kepada semua pensyarah JSKM dan juga ahli PEWANI yang terlibat kerana memberi kerjasama yang sangat baik dalam menjayakan Program Kesedaran Kesihatan 2019 ini. Semoga program yang dijalankan ini memberi impak positif kepada semua peserta yang hadir khususnya dari kalangan warga Uitm Cawangan Pulau Pinang dan akan diteruskan lagi untuk tahun hadapan.



LAWATAN AKADEMIK KE TAMAN HERBA, BERTAM

Oleh : Noor 'Aina Binti Abdul Razak



Pada 26 Julai 2019 yang lalu, satu lawatan akademik telah diadakan bertempat di Taman Herba, Bertam, Pulau Pinang. Seramai 35 orang pensyarah terlibat dalam aktiviti ini. Objektif program ini adalah untuk mencambah ilmu dengan pendedahan kepada herba-herba traditional serta kegunaannya. Program ini sangat bermanfaat kerana memberi ruang kepada pensyarah untuk mengenali herba tempatan. Sepanjang program ini, pensyarah didedahkan dengan jenis-jenis tanaman herba dan kegunaannya dalam kehidupan seharian. Semoga program seperti ini akan diteruskan lagi pada masa-masa akan datang.



Bengkel Cantas Gagal 4.0

Oleh: Siti Balqis Mahlan

Pada 26 April 2019, telah berlangsungnya Bengkel Cantas Gagal 4.0 di Bilik Seminar Kolej Delima anjuran Jabatan Sains Komputer dan Matematik (JSKM) yang bermula pada pukul 2:30 petang dan berakhir pada pukul 5:00 petang. Bengkel ini dihadiri oleh para pelajar yang mengambil kursus MAT235 (Kalkulus II Kejuruteraan). Objektif bengkel ini adalah untuk memperkukuhkan asas kalkulus di kalangan pelajar yang mengulang. Ia juga bertujuan untuk membantu pelajar mengenalpasti masalah dalam kalkulus supaya kesalahan yang sama tidak berulang. Malah bengkel ini turut memberi pendedahan mengenai konsep yang betul berkaitan asas matematik.

Bengkel ini dimulakan dengan perkongsian ceramah dari Pn. Muniroh Hamat berkaitan 'Kesalahan Asas Matematik' yang kerap dilakukan oleh pelajar. Aktiviti seterusnya ialah dengan mengadakan 'Pop Kuiz' di mana soalan yang ditanya adalah berkaitan konsep asas matematik. Hadiah turut disediakan bagi menggalakkan lebih ramai pelajar yang menjawab soalan 'Pop Kuiz' ini.

Bengkel ini turut mengadakan aktiviti Latihan Dalam Kumpulan (LDK) yang dikendalikan oleh Pn. Maisurah, Pn. Farah Hayati, Pn. Nurhafizah, Pn. Wan Nurshaziayani dan Pn. Siti Balqis. Seramai 66 orang pelajar telah berjaya menghadiri program ini. Mereka ini dibahagikan kepada 4 kumpulan mengikut topik di dalam modul. Topik yang dibincangkan adalah *Algebra*, *Basic of Differentiation*, *Differentiation of 2 Variables* dan *Integration*. Wakil kumpulan bagi setiap kumpulan diminta untuk membentangkan hasil perbincangan dan hadiah juga disediakan bagi aktiviti LDK ini.



Pn. Muniroh memberikan ceramah berkaitan 'Kesalahan Asas Matematik'.



Aktiviti Latihan Dalam Kumpulan (LDK) juga dijalankan.



Fasilitator memantau tugas yang diberikan semasa LDK.



Penyampaian hadiah kepada peserta program yang dapat menjawab soalan 'Pop Kuiz'.



Pelajar khusyuk mendengar perkongsian tips mengenai 'Konsep Asas Matematik'.

Bengkel Pemarkahan Bersistematis

Oleh: Chng Pei Eng

Pada 26 April 2019, Bengkel Pemarkahan Bersistematis telah diadakan di Smart Classroom, Aras 2 Kompleks Perdana, UiTM Cawangan Pulau Pinang. Unit Latihan & Kepimpinan, Jabatan Sains Komputer dan Matematik menjadi pengelola sesi perkongsian ini..

Program ini diadakan dengan tujuan untuk memberi penerangan secara menyeluruh sistem pemarkahan yang diguna pakai dalam menanda kertas ujian dan peperiksaan akhir bagi kod Matematik dan Sains Komputer

Seramai 3 orang pensyarah telah berkongsi pengalaman masing-masing dan peserta-peserta kursus turut diberi peluang menanda sampel skrip kertas jawapan pelajar. Perbincangan dua hala adalah amat memberangsangkan. Semoga program ini dapat mencapai objektif dalam sistem pemarkahan yang lebih baik dan adil. Program ini berjaya dilaksanakan dengan kerjasama



Bengkel Perancangan

Strategik 2019

Oleh: Norshuhada Samsudin

Pada 1 Febuari 2019 yang lalu, satu bengkel iaitu Bengkel Perancangan Strategik 2019 telah diadakan di Bilik Perdana 1, Uitm Cawangan Pulau Pinang. Bengkel ini melibatkan seramai 40 orang pensyarah yang diagihkan kepada tujuh kumpulan mengikut teras masing-masing. Tujuh teras tersebut adalah:

- Teras 1: Pengajaran dan Pembelajaran
- Teras 2 : Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersilan
- Teras 3 : Akademia, Industri dan Masyarakat
- Teras 4 : Infrastruktur & Infostruktur Yang Lestari
- Teras 5 : Pengurusan & Pengukuhan Kewangan Professional
- Teras 6 : Kepimpinan
- Teras 7 : Keusahawanan

Tujuan utama bengkel ini diadakan adalah untuk merancang aktiviti yang akan dijalankan pada tahun 2019 selari dengan Pelan Strategik Uitm Cawangan Pulau Pinang. Selain itu, ia juga bertujuan untuk menyiapkan satu pelan tindakan JSKM yang lengkap dengan tujuh teras utama yang melibatkan semua pensyarah. disamping dapat memberi peluang kepada pensyarah untuk berkongsi idea dan cadangan berkaitan program yang akan dijalankan.

Bengkel ini telah berjaya diadakan dengan kerjasama semua pensyarah yang telah memberi idea dan cadangan dalam membincangkan aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan sepanjang tahun 2019 mengikut teras masing-masing. Setelah selesai sesi perbincangan bersama ahli kumpulan, wakil bagi setiap kumpulan diminta untuk membentangkan hasil yang diperolehi. Aktiviti-aktiviti yang dicadangkan ini akan dipilih mengikut kesesuaian dan pensyarah yang



Program Bicara

Matematik Dalam Kerjaya

Oleh: Dr Nor Hanim Abd Rahman

Bengkel tajaan TAPA kali ini berlangsung pada 22 Mac 2019 (Jumaat) di Dewan Kristal, Tingkat 3, Kolej Kristal. Seramai 200 orang pelajar FKE (EC221) dijangka menghadiri bengkel tersebut, walaubagaimaapun 173 pelajar yang berjaya menghadiri diri. Seramai 173 pelajar MAT455 yang hadir telah menjawab soal selidik ini. Mereka terdiri daripada 61 orang pelajar lelaki dan 112 pelajar perempuan.

Program ini telah dikendalikan oleh staf JSKM, di ketuai oleh Pn Noor 'Aina Abd Razak. Di antara fasilitator JSKM yang terlibat terdiri daripada Cik Nur Azimah Idris (S/U), Dr Nor Hanim Abd Rahman, Pn. Rafizah Kechil, Pn. Norshuhadah Samsudin, Pn. Fadzilawani Astifar Alias, En. Ahmad Rashidi Azudin dan Pn. Fuziatul Norsyihah Ahmad Shukri. Penceramah jemputan terdiri daripada jurutera-jurutera alumni UiTM CPP yang berkhidmat di INTEL, En. Kamarul Sahrin bin Said, En. Mohd Jeffry Izuma b. Mohd Hariffadillah dan Cik Maryam Hanan binti Yahya

Tiga objektif utama program ini adalah seperti berikut:

- i) Untuk menerapkan kepentingan asas matematik dalam kejuruteraan dan kerjaya.
- ii) Untuk berkongsi pengalaman dari alumni UiTM CPP dalam kerjaya dan kepentingan mempelajari matematik.
- iii) Pelajar didedahkan dengan kepentingan dan fungsi matematik dalam alam pekerjaan.

Kesimpulan keberhasilan pembelajaran dari bengkel ini adalah seperti berikut:

- i) Respon yang amat positif dari pelajar kerana program ini sebagai pemangkin dan motivator kepada mereka kerana dapat mendengar sendiri dari alumni UiTM CPP mengenai alam kerjaya yang bakal ditempuhi.
- ii) Input yang diberikan berjaya menyemai kesedaran awal dalam diri pelajar berkaitan keindahan matematik dan kepelbagaian fungsi matematik dalam kehidupan seharian.
- iii) Meningkatkan minat pelajar dalam subjek-subjek matematik.



Penceramah: Enik Kamarul

Pelajar sedang fokus mendengar



Pelajar sedang menghavati

Sesi Fotografi antara penceramah dan



STRIVE A IN CALCULUS 1 WORKSHOP

Oleh: Norshuhada Samsudin

Jabatan Sains Komputer dan Matematik (JSKM), UiTM Cawangan Pulau Pinang telah mengadakan bengkel *Strive A in Calculus 1* yang melibatkan beberapa orang pensyarah Matematik dan 153 orang pelajar Part 1 dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Fakulti Kejuruteraan Elektrikal.

Objektif program ini adalah untuk mengukuhkan kemahiran asas pelajar dalam algebra dan kalkulus. meningkatkan minat pelajar dalam matematik dan kalkulus secara keseluruhannya serta membantu pelajar dalam persediaan menghadapi Ujian 1. Perbelanjaan berjumlah RM352 sepenuhnya dibiayai oleh Tabung Amanah Pembangunan Akademik (TAPA).

Antara aktiviti menarik yang dijalankan sepanjang bengkel berlangsung adalah Ceramah *Math Error* oleh Puan Siti Nurleena Abu Mansor dan permainan interaktif matematik seperti *Spiral Limit*, *ALTEM* dan *Cross Limit* yang dikendalikan oleh beberapa orang pensyarah Matematik.

Bengkel yang telah dijalankan ini dilihat Berjaya menarik minat pelajar dalam matematik serta dapat membantu pelajar untuk memperbaiki kelemahan mereka dalam asas matematik. Selain itu, pelajar juga dapat mengaplikasikan teknik yang dipelajari dari permainan-permainan interaktif yang telah disertai. Pelajar juga dapat memantapkan pemahaman mengenai topik awal dalam Kalkulus 1 sebelum menghadapi Ujian 1. Diharapkan, bengkel-bengkel seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa-masa akan datang kerana ianya memberi kesan positif dalam pembelajaran pelajar.



Ceramah Math Error oleh Pn Siti Nurleena, pensyarah Matematik JSKM.



Pelajar menjawab soalan matematik dalam kumpulan.



Spiral Limit : Permainan Interaktif Matematik



Pelajar khusyuk mendengar ceramah dari penceramah.



Penyampaian hadiah kepada pemenang.



BOWLING



PERTANDINGAN BOWLING JSKM 2019

Oleh: Fadzilawani Astifar Alias

Pada 17 April 2019 , Pertandingan Bowling JSKM 2019 telah diadakan di Ole-ole Bowling Center, Mydin Mall, Jalan Baru, Bukit Mertajam. Pertandingan anjuran dari Unit Sukan dan Rekreasi JSKM ini di ketuai oleh Encik Jamal Othman sebagai Pengarah Program melibatkan 30 staf JSKM dan kesemua staf dibahagikan kepada 10 kumpulan. Setiap kumpulan terdiri daripada 3 staf. Pertandingan ini bermula pada jam 9 pagi dan semua peserta perlu bermain 2 'games'. Tujuan utama pertandingan ini diadakan adalah untuk mengenalpasti pemain yang berpotensi untuk mewakili jabatan dan pertandingan bowling peringkat kampus yang dijangka akan diadakan pada bulan Ogos 2019 nanti. Di samping itu pertandingan ini dapat mengeratkan perhubungan sesama warga jabatan. dan juga dapat menggalakkan aktiviti bersukan dan beriadah di kalangan Staf JSKM serta dapat mengurangkan tekanan kerja. Pertandingan ini telah berjaya diadakan dengan penglibatan semua pensyarah dan semua peserta kelihatan sangat gembira kerana dapat meluangkan masa bersama sama rakan sejabatan dan dapat mengasah bakat dalam permainan bowling. Program tamat pada jam 12 tengah hari. Semoga aktiviti yang dijalankan ini memberi impak positif kepada semua warga JSKM Uitm Cawangan Pulau Pinang dan akan diteruskan lagi untuk tahun hadapan.

Keputusan pertandingan adalah seperti berikut:

Kategori Kumpulan:

Johan : Maisurah & Fadzilawani Astifar

Naib Johan : Mawardi , Wan Anisha & Siti Nurleena

Tempat Ke 3 : Cheng Siak Peng, Siti Asmah & Naemah

Kategori Individu:

Lelaki : Saiful Nizam Abu Bakar

Wanita: Maisurah Shamsudin





PROGRAM JOM MASUK GYMNASIUM

Oleh: Jamal Othman

Pada tahun 2019, Unit Sukan dan Rekreasi (S&R) telah mengambil inisiatif menggalakkan Staf JSKM untuk bergiat cergas dalam aktiviti kecergasan yang diadakan di Pusat Gimnasium, Unit Sukan, UiTM Cawangan Pulau Pinang. Program ini diadakan pada setiap hari Khamis bermula pukul 3 petang sehingga 5 petang.

Program ini hanya terbuka kepada staf wanita dari Jabatan Sains Komputer & Matematik (JSKM). Sambutan adalah menggalakkan dan ini menunjukkan warga JSKM mementingkan aspek penjagaan kesihatan. Staf JSKM yang berkelapangan melapangkan diri untuk hadir ke program ini dan ternyata sokongan yang diberikan oleh peserta adalah tidak berbelah bahagi. Puan Wan Nur shaziayani selaku ketua program, telah mempromosikan program ini pada setiap minggu dan memastikan program ini berjalan dengan lancar.

Ucapan terima kasih kepada semua staf JSKM yang terlibat kerana memberi kerjasama yang sangat baik dalam menjayakan program ini. Semoga aktiviti yang dijalankan ini memberi impak positif kepada kesihatan semua warga JSKM UiTM Cawangan Pulau Pinang dan hadir ke program ini dan ternyata akan diteruskan lagi untuk tahun hadapan.



ICT Day 2019

Disediakan oleh: Naemah Binti Abdul Wahab

Pada 14 Jun 2019, para pensyarah bidang sains computer di bawah Jabatan Sains Komputer dan Matematik (JSKM), UiTM Cawangan Pulau Pinang yang terdiri daripada 9 orang telah menganjurkan pertandingan pengaturcaraan C++ semasa ICT Day 2019. Program ini bermula pada pukul 8.15 pagi sehingga pukul 12.15 tengahari bertempat di dua buah makmal komputer iaitu MICT Perdana 3 dan MICT Perdana 4, Tingkat 2, Kompleks Perdana. Program ini menggunakan peruntukkan kewangan daripada Tabung TAPA sebanyak RM500.

Program dimulakan dengan pendaftaran peserta seramai 46 orang yang terdiri daripada pelajar Ijazah dan Diploma daripada Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA), UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh. Selesai makan pagi, para pelajar dibahagikan kepada dua makmal berasingan iaitu pelajar diploma ditempatkan di makmal komputer MICT Perdana 4 manakala pelajar ijazah bergerak ke makmal komputer MICT Perdana 3. Kemudian, ketua juri pada setiap lokasi pertandingan memberi taklimat berkenaan syarat-syarat pertandingan pengaturcaraan yang akan berlangsung selama 2 jam kepada para peserta.

Tepat jam 9 pagi, pertandingan bermula dan sesi penjurian dijalankan sepanjang program berlangsung. Secara ringkas, setiap kumpulan terdiri daripada 2 orang pelajar. Mereka diberikan 5-6 soalan pengaturcaraan untuk diselesaikan mengikut kepantasan masing-masing. Tiga kumpulan yang dapat menyelesaikan kesemua soalan dengan jawapan yang tepat dan masa terpantas akan dinobatkan sebagai pemenang. Pada pukul 11 pagi, pertandingan pengaturcaraan ini tamat dan ketua juri memuktamadkan tiga kumpulan pemenang bagi setiap kategori (Ijazah dan Diploma).

Majlis penutup dimulakan dengan bacaan doa oleh wakil pelajar Ijazah dan ucapan ringkas oleh Pengarah Projek (Ijazah). Majlis diteruskan dengan pemberian hadiah kepada kumpulan pelajar yang dinobatkan sebagai Johan, Naib Johan dan Tempat Ketiga bagi pertandingan ini. Kesemua peserta pertandingan mendapat sijil penyertaan. Sebelum majlis bersurai, jamuan makan tengahari disediakan kepada para peserta yang menyertai ICT Day 2019 ini.



Pertandingan pengaturcaraan pelajar Diploma yang berlangsung di MICT Perdana 4.



Pertandingan pengaturcaraan pelajar Ijazah yang berlangsung di MICT Perdana 3.



Proses penjurian yang sedang dilakukan semasa pertandingan berjalan.



Salah satu kumpulan (pelajar Ijazah – Tempat Kedua) yang memenangi pertandingan pengaturcaraan semasa ICT Day 2019.

(3) SEKALUNG TAHNIAH

KUMPULAN D4 DIAMOND UiTM CAWANGAN PULAU PINANG



Ketua Kumpulan : Encik Jamal Othman
Fasilitator : Puan Suhaiza Hasan

Ahli Kumpulan :

1. Pn Muniroh Hamat
2. Pn Norshuhada Samsudin
3. Pn Noor Azizah Mazeni
4. Pn Sharifah Sarimah Syed Abdullah
5. En Mohd Fahmi Zahari
6. Pn Alina Md Kassim
7. Pn Norziah Daud
8. Pn Wan Nur Shaziayani Wan Mohd Rosly

**Regional Team Excellence
(RTEEx) Convention,
Wilayah Utara 2019**

Tarikh : 11 Julai 2019

Masa : 8.00 pagi -
6.00 petang

Tempat : Bayview Resort,
Pulau Pinang



**Anugerah Emas & Anugerah
Industrial Revolution (IR4.0)**



Annual Productivity & innovation conference and Exposition (APIC) 2019

Tarikh : 5 - 7 November 2019

Tempat : Sunway Pyramid Convention Centre (SPCC)

Anjuran: Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri



Anugerah Emas





ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2018



**Pn. Hjh
Shakirah Mohd
Abd Rahman**



**En. Mawardi
Omar**



**PM Sarina Md
Jam**


&

KOORDINATOR JSKM : Pn Muniroh Hamat

ANUGERAH TERINDAH 2019



AISYAH TASNEEM BT. ABU YAMIN



Tarikh lahir: 15 Januari 2019

Masa: 4.30ptg

Tempat : KPJ Perda

Pensyarah JSKM :

Pn. Siti Asmah Bt. Mohamed



Nur Farhana Safiyya bt Mohd Hanapiah



Tarikh Lahir:
11 sep 2019
Masa: 9.25 pm
Tempat:
Hospital Kepala
Batas

Pensyarah JSKM :
Dr. Syarifah Adilah Bt
Mohamed Yusoff

NUR AFINA SOFEA
&
NUR ARIANA SOFEA
Pensyarah JSKM : Mohd Fahmi Bin Zahari



***Nur Ariana Sofea Binti
Mohd Fahmi
Tarikh lahir: 5.5.2019
Masa :2:30am
Tempat : Hospital Kulim
Berat: 2.4kg***

***Nur Afina Sofea Binti Mohd
Fahmi
Tarikh lahir: 5.5.2019
Masa :2:45am
Tempat : Hospital Kulim
Berat: 2.2kg***

Naura Najihah binti Mohd Najmi



Tarikh lahir: 13 September 2019

Masa: 1.44tghr

Tempat: Hospital Tunku Fauziah

Berat: 3.95kg

Pensyarah JSKM : Nurhafizah Bt Ahmad

4) JASAMU DIKENANG



PN SHAKIRAH BINTI MOHD ABD. RAHMAN

Jan 1997 – Ogos 2019

Ucapan untuk Warga JSKM :

Mudah mudahan kita semua dapat berlaku jujur dalam menjalankan tugas dan amanah sebagai seorang pendidik dan pemimpin. Jagalah Integriti dan akhlak diri kerana diakhirnya kita semua perlu menjawab kepada yang Allah yang Maha Berkuasa.

Semoga semua Staf JSKM akan terus cemerlang di dunia dan akhirat.

PN SALINA BINTI HAMED

Mei 2004 – Feb 2020

Ucapan untuk Warga JSKM :

Menuntut ilmu adalah taqwa, menyampaikan ilmu adalah ibadah, mengulang-ngulang ilmu adalah zikir, mencari ilmu adalah jihad.



PM SARINA BINTI MD. JAM

Jan 1990 – Dec 2019



5) NUKILAN WARGA JSKM

GUNUNG KINABALU: IMPIAN MENJADI KENYATAAN

Gunung Kinabalu merupakan gunung yang tertinggi di Asia Tenggara yang terletak di negeri Sabah. Ketinggian gunung ini adalah 4.095 meter dari aras laut. Impian untuk mendaki gunung ini telah lama tersimpan ketika belajar di universiti lagi. Akhirnya tanggal 4 September 2018, impian untuk mendaki menjadi kenyataan bersama 9 pelajar UiTM cawangan Pulau Pinang dari Kelab Rekreasi UiTM CPP. Nukilan ini dicoret setelah setahun berlalu disebabkan kekangan masa bekerja.

Untuk mendaki Gunung ini, kita perlu mohon 6 bulan lebih awal dari tarikh cadangan mendaki. Persiapan dari segi fizikal dan mental perlu bersedia terlebih dahulu. Aktiviti seperti berbasikal, berlari, mendaki bukit atau gunung yang tidak berisiko serta aktiviti senaman merupakan antara aktiviti persediaan untuk membina stamina yang tinggi pada diri. Selain itu, persediaan peralatan mendaki juga perlu dititikberatkan. Antara peralatan yang perlu disediakan baju sejuk, baju hujan, sarung tangan kalis air, *head lamp*, makanan memberi tenaga dan keperluan asas mendaki yang lain.

Sehari sebelum pendakian, persediaan diri perlu diutamakan. Perkara yang akan dibawa untuk mendaki tidaklah terlalu berat untuk dibawa. Pastikan perkara yang penting sahaja dibawa untuk mendaki. Tidur yang cukup adalah penting untuk memulakan pendakian pada hari esok. Pendakian Gunung Kinabalu (Low's Peak) ini terbahagi kepada dua fasa; iaitu Fasa I dari Taman Negara Kinabalu Timpohon Gate ke Laban Rata dan Fasa II dari Laban Rata ke Puncak Gunung Kinabalu (Low's Peak).



Fasa I: Timpohon Gate Ke Laban Rata

Jam 9.15 pagi kami memulakan pendakian ke Laban Rata. Purata masa pendakian fasa ini adalah antara lima jam ke tujuh jam. Sepanjang pendakian pada peringkat ini, kita dapat menikmati keindahan keunikan tumbuhan gunung yang terbahagi kepada empat zon mengikut ketinggian dari aras laut. Kita dapat rasakan ketenangan dengan kecantikan alam ciptaan Allah ini. Bagi pendakian

fasa I ini, kita mengambil strategi mendaki secara santai sambil menikmati udara sejuk dan keindahan alam sekeliling kerana untuk menyimpan tenaga bagi pendakian pada fasa seterusnya yang agak mencabar berbanding peringkat ini. Untuk makluman, sepanjang pendakian pada Fasa ini, disediakan beberapa pondok rehat pada jarak tertentu untuk para pendaki rehat sebentar atau ingin ke tandas. Kami dibekalkan oleh pihak Urusetia set makan tengah hari (buah, ayam goreng, telur, roti dan air mineral). Sekitar jam 4.30 petang kami tiba di Laban Rata setelah lebih kurang 6km mendaki. Di Laban Rata kami berehat, solat dan makan sebagai persediaan untuk pendakian fasa seterusnya.

Fasa II: Laban Rata ke Low's Peak

Jam 2.30 pagi, kami memulakan pendakian pada Fasa II untuk mengapai impian menawan puncak kinabalu, Alhamdulillah cuaca pada pagi itu mengizinkan kami untuk mendaki dengan jarak pendakian berbaki lebih kurang 2.72km. Pada permulaan pendakian, sudah mula rasa tanda-tanda AMS (Acute Mountain Sickness). Aku positifkan diri ini untuk terus maju mendaki pada keadaan ini. Untuk sampai ke puncak, kita perlu *check-in* di *check point* Sayat-Sayat sebelum jam 5 pagi. Jika kita lewat tiba pada waktu yang ditetapkan di *check point* ini, kita tidak dibenarkan untuk meneruskan pendakian ke puncak. Pendakian pada fasa ini agak mencabar dengan kelajuan angin yang kuat dan udara sangat sejuk serta mendaki hanya bertemankan cahaya lampu (*head lamp*). Selepas *check point* Sayat-Sayat, langkah pendakian ini amat perlahan dengan melawan angin yang kuat dalam kesejukan serta mendaki di kawasan perbatuan yang hanya bergantung pada jalur tali yang disediakan. Pada Kilometer 8, pendakian aku hampir berputus asa untuk meneruskan pendakian, sedangkan puncak kinabalu hanya berda beberapa ratus meter sahaja dihadapanku. aku meneruskan pendakian ini dengan iltizam yang tinggi dan sentiasa motivasi diri sendiri demi menncapai matlamat yang diinginkan. Akhirnya jam 6 pagi, aku tiba di Low's Peak dengan keadaan tangan dan bibir sangat kebas akibat kesejukan. Alhamdulillah bersyukur tak terhingga setelah Berjaya menawan puncak tertinggi di Asia Tenggara ini, satu impian menjadi kenyataan. Hebatnya ciptaan Allah yang aku dapat lihat pada ketika itu.

Ekspedisi ini banyak mengajar aku beberapa perkara yang dapat dalam perjalanan kehidupan kita. Kita perlu bersedia dalam menghadapi apa jua perkara. Perlu ada keyakinan diri dan terus berusaha dalam menggapai apa jua impian. Jangan sesekali berputus asa atau menyerah dalam menhadapi apa jua rintangan, selagi kudrat ada pada diri kita untuk terus maju hadapan.

Nukilan,
MO

HATIMU IBU

Aku tidak mungkin sering berdoa dan
aku mungkin tidak cukup berdoa
tapi ketika aku lakukan
ini semua yang aku pinta darimu ya Allah ...

Tuhan tolonglah memberikan aku sekeping hati seperti
miliknya
Dia yang mencintai tanpa syarat,
Tidak peduli apa, tak peduli siapa .

Tuhan berilah aku keberanian untuk menjadi seperti dia
Dia seorang ibu yang sangat berani dan kuat,
Dia yang membuat aku tidak tenggelam dalam kegelapan.

Tuhan berilah aku kebijaksanaan seperti miliknya
Dia mengetahui segalanya, walau dugaan melanda
Dia sedia membantu segalanya.

Tuhan berilah aku kekuatan, ketabahan dan kesabaran seperti miliknya
Walau dia diduga, ditimpa musibah,
Namun dia berdiri teguh untuk meneruskan kehidupan.


Tuhan berilah aku keindahan seperti miliknya
Ketika dia tersenyum, ketawa
Membuatkan aku berperasaan bahawa semuanya akan selamat.

Tuhan berilah aku kemurahan hati seperti miliknya
Dia membantu yang tidak berdaya,
dan dia begitu penyayang.

Ketahuilah...
Untukmu ibu aku berdoa
Semoga ibu sentiasa sihat
Dikurniakan umur yang panjang
Ku ingin membahagiakanmu
Sebelum mata ini tertutup

Terima kasih Ibu
Jasamu terpatri dalam kalbuku
Aku yang menyayangimu.

Nukilan: Shasha





JOM MENERBIT BUKU DENGAN PENERBIT UiTM PRESS

Pada tahun 2019, saya dan beberapa penulis telah menerbitkan buku berjudul “Programming Paradigms Concept” dengan penerbit UiTM PRESS. Ini merupakan buku kedua saya yang mana buku pertama bertajuk “Fundamentals of Programming : With Example in C, C++ and Java” telah diterbitkan pada tahun 2010 dengan penerbit sama juga.

Sebagai ahli akademik, penerbitan buku adalah penting kerana ia merupakan platform untuk perkongsian ilmu. Sebahagian ahli akademik tertumpu hasil penerbitan di jurnal-jurnal, kertas kerja dalam persidangan atau surat khabar. Tidak kisahlah, walau apa sahaja bentuk penerbitan, namun sebagai ahli akademik, penulisan adalah penting bagi memastikan ilmu pengetahuan sentiasa terkini dan bidang kepakaran masing-masing semakin kukuh serta diiktiraf.

Penulisan buku perlukan perancangan yang amat teliti. Pertama perlu rancang apakah tajuk buku yang akan diterbitkan nanti. Kenalpasti samada buku tersebut mempunyai potensi dalam pemasaran. Maksudnya, ada atau tidak pembeli bagi buku tersebut. Jika buku berjaya diterbitkan pun, tetapi tiada pembeli, pihak penerbit akan mengalami kerugian. Penulis-penulis buku perlu membuat kajian pasaran buku sebelum memulakan penulisan.

Setelah itu, bincangkan apakah topik-topik bagi tajuk buku tersebut. Jika topik agak banyak, kenalpasti penulis-penulis yang proaktif. Susun topik mengikut susunan dan kenalpasti juga subtopik bagi setiap topik. Setelah itu, agihkan tugas untuk menulis dan berikan tempoh yang bersesuaian dengan kemampuan penulis bagi menyiapkan bab masing-masing. Lantik seorang ketua penulis untuk konsolidasikan pecahan subtopik, gambarajah, jadual, gaya dan saiz tulisan, margin mukasurat, penggunaan *header* dan *footer*, pelabelan jadual dan gambarajah, penggunaan *bullet* dan *numbering* serta kedudukan mukasurat dan aspek-aspek yang telah ditetapkan.

Antara perkara lain yang perlu diberi perhatian juga adalah, setiap topik atau bab perlu ada objektif atau *outcome* yang akan diperolehi oleh pembaca, pengenalan, kandungan, ringkasan dan sampel soalan.

Sesebuah buku yang piawai perlu memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal UiTM PRESS, iaitu buku perlu dimulakan dengan tajuk buku, senarai penulis dan penerbit. Kemudian diikuti dengan mukasurat hakcipta, isikandungan serta mukasurat, prakata dan penghargaan sebelum bab pertama. Selepas bab yang terakhir hendaklah berakhir dengan senarai rujukan dan indeks.

Setelah siap semua bab dan perkara-perkara sebelum bab pertama dan selepas bab terakhir, cetak dengan kemas dan failkan. Letakkan tag bagi setiap bab sebelum diserahkan untuk semakan oleh penyemak bahasa. Sebelum diserahkan kepada penyemak bahasa, eloklah disemak terlebih dahulu oleh ketua penulis untuk semakan kesinambungan tajuk-tajuk, bahasa, format dan lain-lain isu.

Serahkan manuskrip kepada penyemak bahasa dan berikan tempoh selama 3 ke 4 minggu untuk tujuan semakan. Penyemak bahasa akan kenakan bayaran untuk semakan dengan kadaran RM 7.00 ke RM 10.00 semuka surat. Setelah menerima manuskrip, buatlah pembedulan seperti yang dicatatkan oleh penyemak bahasa. Pastikan surat pelantikan penyemak bahasa disimpan untuk tujuan rekod dan semakan bukti oleh UiTM PRESS.

Setelah pembedulan dibuat, cetak dan failkan semula semua bab dan bahagian-bahagian dengan kemas dalam fail. Isi borang khas yang boleh dimuatturun dari UiTM PRESS, isi dengan lengkap dan lampirkan borang tersebut dalam fail manuskrip. Serahkan manuskrip tersebut kepada UiTM PRESS untuk tindakan yang selanjutnya.

Pihak UiTM PRESS akan membawa masuk manuskrip tersebut dalam satu mesyuarat untuk semak permohonan melalui borang yang diisi serta semakan isikandungan manuskrip secara kasar. Bukti semakan oleh penyemak bahasa perlu dikemukakan sebagai bukti.

Jika pihak jawatankuasa berpuashati, sekretariat akan menghantar manuskrip kepada 2 orang panel penyemak yang pakar dalam bidang judul buku tersebut. Biasanya masa yang diberikan kepada panel penyemak adalah selama 3 ke 6 bulan. Proses ini agak lama dan perlu penelitian yang mendalam bagi mengelakkan isu-isu seperti penggunaan istilah, salah konsep, ketidacukupan contoh, isu-isu sensitif dan lain-lain lagi.

Manuskrip yang telah siap disemak akan dikembalikan kepada penulis untuk pembetulan. Tempoh pembetulan adalah selama 3 bulan pada kebiasaannya. Setelah siap pembetulan, manuskrip baru perlu dicetak dan disusun dengan kemas dalam fail mengikut tag masing-masing beserta dengan laporan pembetulan yang telah dibuat. Serahkan kepada UiTM PRESS dan manuskrip akan dibawa masuk ke dalam mesyuarat jawatankuasa peringkat UiTM PRESS. Jika pihak jawatankuasa telah berpuashati, maka langkah seterusnya adalah proses perwajahan.

Proses perwajahan akan disediakan oleh perekabentuk buku untuk menghasilkan rekabentuk buku yang menarik. Biasanya tempoh perwajahan buku mengambil masa 3 ke 6 bulan, bergantung kepada ketebalan buku. Penulis buku akan dipanggil untuk semak satu sampel buku yang telah diperwajahkan dengan lengkap. Penulis dikehendaki untuk semak setiap mukasurat setelah buku diperwajahkan. Pembetulan masih boleh dibuat dengan syarat pembetulan ada minor sahaja dan tidak melibatkan anjakan mukasurat yang agak banyak.

Setelah penulis berpuashati dengan rekabentuk kulit dan pembetulan minor pada isikandungan buku, maka langkah akhir adalah perekabentuk buku akan memuktamadkan pembetulan buku sebelum cetakan pertama dibuat.

Pihak UiTM PRESS akan mengesahkan harga buku dalam satu mesyuarat khas dan pihak penulis akan dimaklumkan harga buku sebenar. Penulis akan diberi penerangan berhubung peratus royalti yang akan diperolehi serta borang-borang perjanjian yang perlu ditandatangani oleh setiap penulis.

Selesai sahaja borang-borang perjanjian ditandatangani, buku akan mula dicetak dalam tempoh seminggu. Selesai proses cetakan buku boleh mula dijual. Proses jualan buku ada dua kaedah iaitu samada buku dijual oleh UiTM PRESS melalui kedai-kedai koperasi buku atau melalui pesanan terus kepada bahagian pemasaran UiTM PRESS.

Itulah, langkah-langkah penulisan buku bermula dari awal sehinggalah buku mula dicetak. Harapan saya, sebagai ahli akademik cubalah menerbitkan buku dengan penerbit UiTM PRESS atau mana-mana penerbit diiktiraf agar buku-buku yang diterbitkan lebih diiktiraf pada peringkat UiTM dan seterusnya pada peringkat nasional.

*Perkongsian oleh :
Jamal Othman
JSKM*



KINI

Kini barulah ku tahu
 Tidak semua perkara perlu ku
 ketahui...
 Lebih baik di sembunyikan dari di
 lafazkan

Kini baru ku tahu
 Tidak semua perkara perlu di beritahu
 dan apabila telah di ketahui,
 tak semestinya akan menyenangkan

Kini baru ku tahu
 Kehidupan ini pasti tidak sama
 antara kau dan aku

Kini baru ku tahu
 Tafsiran manusia adalah berbeza-beza
 bergantung pada situasinya,
 keadaannya, fikirannya,
 matlamatnya ketika itu...

Kini baru ku tahu
 sesuatu yang berlaku pasti ada
 hikmahnya...
 Maka, teruskanlah perjuangan ini...
 Belajarlah memaafkan, redha dan
 Ikhlas atas segala ujian yang
 mendatang...
 Jika tidak di dunia
 Maka moga-moga di akhirat...

Kini baru ku tahu
 Sangat subjektif...
 Perasaan ini, rasa ini, fikiran ini,
 reaksi ini..
 Semoga Allah SWT sentiasa bersamaku
 Dalam meniti kehidupan ini yang penuh
 pancarobanya.

Nukilan: Shasha

Misi Akademik @UiTM CPP- Dari Perspektif Mantan KMA



Misi Akademik (MA) merupakan satu unit kecil diletakkan di Bahagian Hal Ehwal Akademik UiTM cawangan Pulau Pinang. tugas MA secara umumnya adalah mempromosi program akademik UiTM secara umumnya dan UiTM cawangan Pulau Pinang secara khususnya.

Skop tugas dan tanggungjawab misi akademik dapat dibahagikan kepada tiga teras iaitu **MA (tahunan)**, **MA (inisiatif)** dan **MA (berkala)**. **MA (tahunan)** ini merupakan aktiviti wajib bagi mempromosi program akademik yang ditawarkan didalam sistem UiTM keseluruhannya. Aktiviti teras ini akan melibatkan semua wakil MA fakulti/akademi dalam mempromosi program akademik yang ditawarkan oleh fakulti/akademi masing masing. Dua (2) aktiviti wajib yang berlanjutan secara tahunan adalah program Selangkah Ke UiTM dan Program Karnival Jom Masuk IPT.

MA (inisiatif) merupakan program inisiatif yang dibuat oleh ketua MA bersama fakulti terlibat bagi mempromosi program akademik yang ditawarkan khususnya untuk UiTM cawangan Pulau Pinang dan UiTM secara umumnya bagi peringkat ijazah sarjana muda. Sasaran peserta adalah dari Kolej Martrikulasi dan Kolej MARA untuk menyambung pengajian di peringkat ijazah pertama. **MA (berkala)** pula adalah program MA yang dibuat atas dasar jemputan dari pihak sekolah/agensi dan lawatan sekolah ke UiTM CPP bagi tujuan yang sama untuk mempromosi akademik yang ditawarkan terutamanya bagi peringkat diploma.

Kaedah yang digunakan dalam MA ini adalah secara membuka ruang pameran serta memberi taklimat akademik kepada sasaran. Pada pandangan saya, taklimat misi akademik adalah sangat penting dalam mempromosi akademik terutamanya bagi program **MA (berkala)**. Hal ini adalah kerana pendedahan berkaitan kemasukan program akademik secara mendalam sangat sedikit terhadap bakal calon. Kesannya adalah kepada calon tersebut dalam memilih program yang bersesuaian dengan minat dan kelayakan akademik akan tersasar. Selain itu calon yang bakal memohon ini perlu didedahkan dengan syarat umum dan syarat khusus program dan perlu didedahkan seawal mereka di Tingkat Tiga lagi. Hasil dapatan terhadap isu ini adalah dari pengalaman mempromosi akademik di Karnival Jom Masuk IPT dan Ekspo Selangkah Ke UiTM [Program **MA (Tahunan)**] bagi tahun-tahun sebelumnya.

Cabaran yang dihadapi ketika memikul tanggungjawab ini adalah dalam menjawab seribu satu soalan berkaitan kemasukan ke UiTM, menjawab isu-isu sensitif berkaitan UiTM dan sebagainya; dari pelbagai ragam manusia yang didepani. Pegawai yang dipertanggungjawab memikul amanah ini sentiasa perlu mengemaskini maklumat berkaitan UiTM, program akademik yang ditawarkan di UiTM selain mengambil maklum polisi-polisi yang ditetapkan oleh pihak universiti dan kementerian. Selain itu, pegawai yang dipertanggungjawab juga perlu mempunyai komitmen yang jitu dalam melaksanakan tanggungjawab ini. Hal ini adalah kerana, jika kita komited dengan kerja ini, objektif untuk mempromosi akademik UiTM akan tercapai. Dari segi masa, banyak perlu dikorbankan bagi tujuan ini terutamanya di awal tahun. Pembahagian masa juga adalah sangat penting antara komitmen menjalankan Misi Akademik, tugas sebagai seorang pensyarah dan tugas kepada keluarga.

Perkara paling menggembirakan pegawai bertugas dalam Misi Akademik ini apabila tanggungjawab yang disampaikan dengan ikhlas dalam membantu anak bangsa untuk ke menara gading adalah satu perkara yang tak ternilai. *Sedih* dan *gembira* setelah selesai memberi taklimat dengan harapan dan doa agar mereka ini Berjaya ke menara gading tidak kira di peringkat mana sekalipun agar anak bangsa ini Berjaya seiring dengan bangsa lain. *Sedih* apabila melihat kaca mata mereka dengan penuh pengharapan dalam mendengar setiap taklimat dan penerangan yang diberikan. *Gembira* apabila mereka menerima perkara yang kita kongsi dengan penuh semangat dan iltizam.

Akhir kalam walaupun Misi Akademik ini merupakan unit kecil dalam pentadbiran sesebuah kampus, namun ia merupakan antara unit terpenting dalam memastikan kemasukan pelajar ke sistem UiTM seiring dengan KPI yang ditetapkan oleh Unit Kualiti Kampus dan Universiti. Tanpa pelajar siapalah penjarah. Oleh itu, kewajaran unit ini perlu ditingkatkan dan diterjemahkan dengan lebih jitu serta semangat komitmen yang tinggi dari pegawai bertugas demi meningkatkan bilangan enrolmen pelajar ke UiTM seiring dengan hasrat, misi dan visi Universiti Teknologi MARA.



Ikhlas

MO-Mantan KMA 2017-2019



PANTUN NASIHAT

*Makan tengahari bersayur bayam
Makan pula di hujung anjung
Jangan diikut tabiat ayam
Jelur sebiji riuh sekampung*

*Buah durian buah jambu
Lebih enak lagi buah duku
Jeruslah tambah wawasanmu
Dengan belajar dan baca buku*

*Beli baju beli cendana
Beli satu untuk tetangga
Hiduplah dengan bijaksana
Fmosi dan nafsu harus dijaga*

*Atsam laksa jadi pengikat
Dibawa oleh jiran terdekat
Hidup kena selalu bermuafakat
Agar kerja menjadi ringan dan cepat*

*Lik Gayah membeli capati
Capati dimakan bersama puteri
Jangan ada perasaan sakit hati
Kelak akan memakan diri*



*MAH
111119*



Disediakan oleh :

**UNIT PERNERBITAN DAN PUBLISITI
JABATAN SAINS KOMPUTER &
MATEMATIK (JSKM)
UiTM CAWANGAN PULAU PINANG
13500 PERMATANG PAUH
PULAU PINANG**

<https://penang.uitm.edu.my/main/index.php/activities-jskm>